



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN TIKTOK KBS

1. YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan telah menyampaikan hadiah kepada tiga (3) orang pemenang Pertandingan Tiktok KBS yang berlangsung pada hari ini bertempat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.
2. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) telah melaksanakan Pertandingan Tiktok KBS yang bertemakan “**Perpaduan**” bermula 1 Januari dan berakhir pada 31 Januari 2023 khusus buat belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun.
3. Pertandingan ini merupakan inisiatif KBS bagi menerapkan dan menyemai semangat perpaduan pembangunan jati diri dan semangat patriotik dalam kalangan belia menerusi platform media sosial iaitu TikTok.
4. Pertandingan ini juga bertujuan menggalakkan dan meningkatkan kreativiti dan inovasi belia dalam penghasilan video pendek yang bermaklumat mengikut kreativiti masing-masing. Para pemenang telah dipilih berdasarkan video bertemakan perpaduan yang paling kreatif dan mempunyai persembahan yang menarik.
5. Nama-nama pemenang ialah Nurul Syauqina Najwa binti Muhammad Sanusi, Mohamad Zul Hariz bin Mohd Fadzli dan Esli Thomas Belawan Ngau. Para pemenang yang bertuah ini membawa pulang sebuah Iphone 14 Pro.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

6 MAC 2023